

04/11/1998

Model terbaru Satria, Perdana akan dilancar

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual melancarkan Proton Satria dan Perdana hasil kerjasama teknikal dengan Lotus Engineering di Stadium Putra Bukit Jalil pada 12 November ini.

Sempena pelancaran itu, satu karnival dikenali `Karnival Pencapaian' juga diadakan mulai jam 10 pagi hingga 8 malam. Masuk adalah percuma.

Menurut kenyataan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd hari ini, selain model Proton Satria dan Perdana hasil kerjasama Lotus Engineering, semua model terbaru syarikat turut dipamerkan pada hari berkenaan.

"Kombinasi dan kerjasama di antara jurutera Proton dan Lotus menghasilkan pencapaian yang membanggakan," kata kenyataan itu.

Pemilihan tarikh pelancaran kedua-dua model berkenaan adalah bertepatan dengan masa persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

(END)